



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**PHYSIOTHERAPIST (B.2 EB.3)  
JABATAN BELIA DAN SUKAN  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA, DAN SUKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

#### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**1. PHYSIOTHERAPIST**  
**JABATAN BELIA DAN SUKAN**  
**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**  
**B.2 EB.3 (\$2,270-\$4,240 SEBULAN)**  
**KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Physiotherapy* / Pemulihan dan / atau Terapi Latihan atau bidang bersesuaian.  
Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.
2. Mempunyai pengalaman tidak kurang dari 5 tahun sebagai *Physiotherapist* atau pengalaman profesional dalam bidang berkaitan adalah kelebihan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Membantu Ketua Pusat dalam hal-hal berikut:
  - i. Perkhidmatan rawatan fisioterapi dan pemulihan anggota serta pencegahan kecederaan;
  - ii. Menyelia dan melaksanakan program serta memberi khidmat nasihat kepada atlet-atlet sukan dalam menjalani latihan-latihan dan ujian fizikal;
  - iii. Mengendalikan kursus dan latihan yang berkaitan dengan pemulihan anggota;
  - iv. Penyelidikan, menyediakan spesifikasi dan membuat sokongan keperluan ubat-ubatan, peralatan dan kelengkapan pemulihan anggota;
  - v. Menyediakan anggaran belanjawan tahunan dan rancangan kewangan Pusat Perubatan dan Penyelidikan Sukan;
  - vi. Mengawal dan memastikan kutipan hasil dilaksanakan dengan betul dan teratur;
  - vii. Merancang program mempelbagaikan sumber hasil Jabatan; dan
  - viii. Terlibat dalam penyelarasan *medical coverage* aktiviti sukan jika diperlukan.
2. Terlibat sebagai Jawatankuasa dalam aktiviti- aktiviti Jabatan; dan
3. Menerima arahan daripada pegawai atasan.